



**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**  
**Masjid Albukhary Alor Malai, Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah Darul Aman**

**No. Pendaftaran : 1192/PPM 005-02-13121956**

**<https://www.e-khairat.com/alormalai>**

**POLISI DAN SYARAT KEAHLIAN**

**1. MATLAMAT**

- 1.1. Memberi bantuan kewangan kepada ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku kematian di antara mereka.
- 1.2. Menggalakkan anak-anak kariah melakukan kebajikan (khairat).
- 1.3. Melahirkan sifat tolong menolong dan kesederhanaan di antara satu dengan lain sesama Islam.

**2. KEAHLIAN**

- 2.1. Terbuka kepada penduduk Islam yang menetap dalam Kariah Masjid Albukhary Alor Malai, Alor Setar, Kedah.
- 2.2. Berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun semasa permohonan menjadi ahli.
- 2.3. Terdapat dua kategori keahlilan:
  - (a) Kelamin / Keluarga (ada pasangan suami atau isteri)
  - (b) Bujang (termasuk duda atau janda)

**3. PENDAFTARAN KEAHLIAN**

- 3.1. Permohonan keahlilan boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui pautan :  
<https://www.e-khairat.com/alormalai>
- 3.2. Lengkapkan maklumat PENDAFTARAN AHLI dengan mengisi;
  - (a) Maklumat Ahli, Maklumat Lokasi/Taman, Kategori Ahli
  - (b) Maklumat Tanggungan Ahli
- 3.3. Permohonan keahlilan yang berjaya akan dimaklumkan melalui E-mel.
- 3.4. Ahli yang berjaya perlu menjelaskan Bayaran Pendaftaran dan Yuran Tahunan untuk PENGESAHAN KEAHLIAN.
- 3.5. Ahli berhak mendapat bantuan selepas 3 bulan (90 hari) setelah DISAHKAN MENJADI AHLI.

#### **4. TANGGUNGAN AHLI**

- 4.1. Isteri atau Suami Ahli
- 4.2. Anak-anak Ahli
- 4.3. Ibubapa Ahli
- 4.4. Ibubapa mertua Ahli
- 4.5. Anak-anak Ahli yang cacat

#### **5. TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN AHLI**

- 5.1. Apabila anak-anak mencapai umur 25 tahun.
- 5.2. Dikecualikan bagi anak-anak yang cacat (memiliki kad OKU yang sah).

#### **6. BAYARAN DAN YURAN KEAHLIAN**

- 6.1. Bayaran Pendaftaran Masuk RM10.00
- 6.2. Yuran Tahunan Ahli Kelamin/Berkeluarga RM50.00
- 6.3. Yuran Tahunan Ahli Bujang RM40.00
- 6.4. Yuran Tahunan hendalah dijelaskan sebelum akhir bulan Mac (3) setiap tahun.
- 6.5. Semua bayaran boleh dilakukan secara atas talian (secara FPX.) melalui pautan ;  
<https://www.e-khairat.com/alormalai>
- 6.6. Hak sebagai ahli akan hilang sekiranya yuran tahunan tertunggak lebih daripada satu (1) tahun.
- 6.7. Keahlian dengan sendirinya ditamatkan sekiranya yuran tahunan tertunggak lebih daripada dua (2) tahun tanpa sebarang sebab yang munasabah.

#### **7. MANFAAT BANTUAN KHAIRAT**

Bantuan yang diberikan sekiranya berlaku kematian ahli atau tanggungan;

- 7.1. Kematian Ahli RM1,000.00
- 7.2. Kematian Pasangan Ahli RM1,000.00
- 7.3. Kematian Tanggungan Ahli RM200.00
- 7.4. Kematian dirumah ahli yang bukan dari tanggungan RM100.00

## 8. PERMOHONAN BANTUAN KHAIRAT

- 8.1. Borang Permohonan Bantuan Khairat boleh diperolehi melalui pautan ; <https://www.e-khairat.com/alormalai/document>
- 8.2. Permohonan Bantuan Khairat hendaklah dikemukakan melalui Bendahari atau Setiausaha dengan disertakan bersama :
  - (a) Sijil kematian asal berserta satu salinan sijil kematian
  - (b) Salinan bukti waris kepada simati (kad pengenalan, sijil lahir, sijil nikah)
- 8.3. Hanya nama yang didaftarkan dalam Sistem e-Khairat sahaja layak menerima manfaat/bantuan.
- 8.4. Tempoh permohonan bantuan luput selepas 6 bulan dari tarikh kematian.

### NOTA

1. KEAHLIAN dan MANFAAT adalah tertakluk kepada PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI (PKMAM)
2. Perlembagaan PKMAM boleh dimuat turun dari : <https://www.e-khairat.com/alormalai/document>